

Majlis Penyerahan Bendera Kepada Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan Asia Ke-16 Guangzhou

Sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam bagi Majlis Penyerahan Bendera Kepada Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan Asia Ke-16 Guangzhou, Republik Rakyat China pada 6 November 2010 di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Alhamdulillah, dengan rasa penuh syukur, ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan taufik dan hidayah-Nya jua, kita dapat bersama lagi pada petang ini bagi Majlis Penyerahan Bendera kepada Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan Asia ke-16, Guangzhou, Republik Rakyat China 2010. Selawat dan salam, ke atas Rasul Junjungan kita, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum kerabat, sahabat-sahabat, serta pengikut-pengikut Baginda, yang taat lagi jujur, hingga ke akhir zaman.

Pertama sekali, Saya sukacita ingin merakamkan, ucapan setinggi-tinggi terima kasih, kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Suka, di atas sokongan yang diberikan kepada Majlis Olimpik Kebangsaan, Negara Brunei Darussalam (BDNOC) sehingga kita dapat menghantar satu kontinjen, yang mengandungi sembilan orang atlet yang akan menyertai dalam lima acara sukan, iaitu: Billiards, Karatedo, Lawan Pedang, Wushu dan Equestrian.

Penyertaan Negara di Sukan Asia, anjuran Olympic Council of Asia (OCA) ini nanti, merupakan penyertaan Ke-6 sejak kali pertama menyertainya 20 tahun yang lalu, iaitu pada tahun 1990 yang juga diadakan di Republik Rakyat China.

Syabas dan tahniah, saya ucapkan kepada atlet- atlet yang telah terpilih. Saya difahamkan bahawa semuanya telah dan sedang menjalani latihan intensif dan latihan warm-up di luar negara yang lebih berkemahiran dan berpengalaman dalam acara sukan masing-masing. Alhamdulillah melalui laporan yang diterima dari masa ke semasa para atlet, kita telah menjalani latihan dengan bersungguh-sungguh di bawah bimbingan jurulatih masing-masing dengan bantuan badan-badan sukan di luar negara. Saya menyedari latihan-latihan yang dilalui itu adalah sukar dan berat sehingga ada di antaranya telah dilaporkan menangis kerana keletihan dan ada pula yang mendesak untuk balik ke tanah air kerana rindu kepada keluarga,

setelah sekian lama berada di luar negara. Namun dengan kegigihan dan kesungguhan para atlet, semua cabaran telah dapat diatasi dengan jayanya. Syabas dan tahniah saya ucapkan.

Inilah yang dikatakan pengorbanan. Pengorbanan yang pernah dilalui oleh setiap atlet ternama, di seluruh dunia. Berusaha dan terus berusaha dengan tidak mengenal erti jemu, penat dan takut kerana dengan cara inilah saya untuk seseorang atlet itu dapat memperbaiki keupayaan diri dan pencapaian masing-masing.

Sehubungan dengan ini, saya sukacita ingin menyeru kepada semua stakeholders, kerajaan dan badan-badan swasta, yang berkepentingan untuk sama-sama berkorban sama ada dalam bentuk tajaan, perhatian dan pemikiran, perancangan dan pelaksanaan dan sebagainya dalam membantu meningkat-majukan atlet-atlet negara khususnya dan pembangunan sukan negara amnya. Banyak pengorbanan, maka banyaklah peningkatan, pencapaian dan gemilangannya.

Bercakap mengenai pencapaian negara, di Sukan-sukan Asia yang lepas setakat ini, negara hanya mampu mengutip dua Pingat Gangsa melalui sukan Karatedo pada Sukan Asia Ke-12 di Hiroshima, Jepun 1994, 1 Pingat Gangsa melalui sukan Sepak Takraw, pada Sukan Asia Ke-13 di Bangkok, Thailand 1998 dan 1 Pingat Gangsa melalui sukan Karatedo, pada Sukan Asia Ke-14 di Busan, Korea Selatan 2002.

Dalam hubungan ini, saya menaruh harapan yang tinggi supaya Sukan Asia Ke-16 pada tahun 2010 ini akan mencatatkan satu sejarah dan kecemerlangan yang baik kepada atlet-atlet negara khususnya dan Negara Brunei Darussalam amnya.

Saya penuh percaya, jika atlet-atlet negara dapat mengekalkan komitmen dan prestasi cemerlang masing-masing seperti yang ditunjukkan semasa latihan intensif di luar negara, ditambah lagi dengan keazaman, kesungguhan untuk berjaya, percaya akan kebolehan masing-masing, sentiasa fokus disertai dengan semangat perjuangan, untuk negara, insya-Allah, kita akan dapat mencapai apa yang kita harap-harapkan itu.

Di majlis ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan, dan terima kasih kepada Syarikat 361 Degree dari Guangzhou, Republik Rakyat China, kerana sudi bekerjasama dengan BDNOC, dan seterusnya menaja pakaian sukan, kontinjen negara ke Sukan Asia Ke-16, Guangzhou 2010. Insya-Allah, BDNOC akan terus berusaha untuk mendapatkan tajaan dalam bentuk pakaian sukan bagi kegunaan atlet-atlet negara di temasya-temasya sukan di peringkat serantau dan antarabangsa di masa akan datang.

Akhirnya Saya berdoa, semoga kontinjen negara ke Sukan Asia Ke-16 Guangzhou, Republik Rakyat China 2010 akan sentiasa sihat walafiat dan dalam peliharaan Allah Subhanahu Wata'ala. Amin

Sekian. Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.